



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN DUA KALI SA-BULAN PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 7 BILANGAN 22

RABU 21 NOVEMBER. 1962 (24 Jamadil Akhir, 1382)

PERCHUMA

PEPEREKSAAN SEMBILAN

DARJAH

sa-orang wartawan kita di-pejabat-nya pada hari Sabtu yang lalu.

Yang Berhormat Inche MacInnes menerangkan lagi bahawa Peperiksaan Sijil Persekolahan Tinggi Bahasa Inggeris telah juga di-mulai pada hari Isnin yang lalu dan akan di-teruskan hingga ka-hari Rabu 5 Desember.

Peperiksaan itu kata-nya diadakan di-Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin dan di-Maktab Anthony Abell.

Peperiksaan Sijil Brunei "Junior" telah di-adakan sa-lama dua minggu dan di-tamatkan pada hari Sabtu yang lalu, kata-nya lagi.

SIR DENNIS WHITE KA-ENGLAND

BERAKAS. — Pesuruh Jaya Tinggi United Kingdom di-Brunei, Yang Terutama Sir Dennis White telah berlepas ka-England dengan kapal terbang pada 12 November untuk berchuti.

Yang Terutama Sir Dennis White di-jangka berada di-luar negeri sa-lama kira2 empat minggu.

Dalam masa tersebut beliau akan mengadakan perundingan biasa dengan Setia Usaha Negara bagi Tanah2 Jajahan, Lord Lansdowne.

Sa-lain dari itu, dengan titah Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin, Yang Terutama Sir Dennis White akan menyampaikan, bagi pehak Baginda, Bintang Kehormatan Dato Setia Negara Brunei (Darjah Kedua) kepada Wakil Kerajaan Brunei di-United Kingdom, Inche E.E.F. Pretty dan Pingat Omar Ali Saifuddin (Darjah Pertama) kepada isteri Inche Pretty pada masa beliau berada di-United Kingdom.

BANDAR BRUNEI. — Sa-ramai 137 orang penuntut2 berbagai bangsa dari Maktab2 dan Sekolah2 Menengah Inggeris serta penuntut2 khas di-Bandar Brunei dan di-Daerah Belait pada masa sedang mengambil bahagian dalam Peperiksaan Sijil "Senior abridge" atau Darjah Sembilan. Peperiksaan itu telah di-mulai pada hari Ithnin 19 November dan akan di-teruskan hingga ka hari Rabu 5 December.

Peperiksaan tersebut di-adakan di-dua pusat ia-itu di-dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei dan di-dewan Maktab Anthony Abell, Seria.

Seramai 68 orang penuntut mengambil bahagian dalam peperiksaan di-dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin dan 69 orang di-pereksa di-dewan Maktab Anthony Abell.

Penuntut2 yang di-pereksa di-dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin ada-lah semua-nya dari maktab itu, manakala penuntut2 yang di-pereksa di-dewan Maktab Anthony Abell ada-lah dari: Maktab Anthony Abell — 40 orang; Sekolah St. Michael — 19 orang; Sekolah Perempuan Saint Angela Convent — 8 orang dan penuntut2 yang tidak belajar di-mana2 Sekolah Menengah Inggeris ia-lah dua orang.

LEBEH BANYAK

Jumlah penuntut2 yang mengambil bahagian dalam peperiksaan tersebut pada tahun ini ada-lah lebih banyak lagi daripada penuntut2 yang mengambil bahagian dalam peperiksaan tersebut dalam tahun 1961. Dalam tahun lepas seramai 91 orang penuntut telah mengambil bahagian dalam peperiksaan tersebut.

Lima puluh satu orang dari Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin telah mengambil bahagian dalam peperiksaan di-dewan maktab itu dan baki-nya di-dewan Maktab Anthony Abell.

Penuntut2 yang mengambil bahagian dalam peperiksaan "Senior Cambridge" di-dewan Maktab Anthony Abell pada tahun lepas ada-lah mengandungi 10 orang dari Maktab Anthony Abell, 14 orang dari Sekolah Saint Michael, 12 orang dari Sekolah Perempuan Saint Angela

Convent dan 4 orang penuntut2 khas.

Demikian menurut keterangan dari Pemangku Pegawai Pelajaran Negara, Brunei, Yang Berhormat Inche Malcolm MacInnes dalam satu wawanchara dengan

Sidang Luluskan 1 Usul

TUTONG. — Persidangan Majlis Meshuarat Daerah Tutong, kali yang ke-dua telah di-adakan pada 6 November di-Bilek Meshuarat Pejabat Daerah Tutong.

Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Ahmad bin Duli Pengiran Bendahara Anak Haji Mohamed Yassin telah memimpin persidangan tersebut.

Yang Berhormat Inche Idris bin Haji Said telah mengemukakan satu usul dalam persidangan tersebut dan satu lagi usul di-kemukakan oleh Inche Johari bin Abang Yusuf.

Usul yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat Inche Idris berbunyi bahawa hendak-lah Majlis Meshuarat Daerah Tutong yang bersidang pada hari itu menuntut kepada Kerajaan supaya dalam lembaga jawatan kuasa dan lain2 badan yang menjalankan tugas hendak-lah di-anggotai oleh sabilangan besar Ahli2 Majlis Meshuarat Daerah.

Usul itu telah di-tolak dan Pengerusi Majlis telah menasehatkan kepada Yang Berhormat Inche Idris supaya mengemukakan usul itu ka-dalam Majlis Meshuarat Negeri Brunei.


Usul yang di-kemukakan oleh Inche Johari pula telah mendesak kepada Kerajaan Brunei supaya dengan saberaapa segera memperbaiki keadaan beberapa batang jalan raya di-Daerah Tutong dengan menggunakan aspal.

Jalan2 raya itu ia-lah jalan raya di-Batu 18 menuju ka-Kuala Abang, Jalan Kampong Penanjong, Jalan Kechil Kampong Bukit Sulang, Jalan

Kechil Kampong Bukit Udul, Jalan Kechil Kampong Tanjong Maya, Jalan Kechil Kampong Bukit Panggal, Jalan

(Lihat Muka 5)

SELAMAT BELAYAR ASKAR2



Gambar ini di-ambil di-Tambatan Kastam di-Raja, Bandar Brunei sa-belum 50 orang parajurit2 Askar Melayu Brunei belayar ka-Singapura pada 12 November dalam perjalanan ka-Malaya untuk meneruskan latihan. Yang Mulia Begawan Mudim Haji Adnan, Kadhi Daerah Temburong kelihatan dalam gambar ini membacha do'a selamat sa-belum parajurit2 itu berpisah dari Brunei. Berita-nya ada-lah di-siarkan di-muka dua.

149 Orang Murid Dapat Hadiah Shell

SERIA. — Seramai 149 orang penuntut2 dan murid2 dari berbagai2 bangsa dari maktab2, sekolah2 menengah dan rendah di-negeri ini telah menerima hadiah2 daripada Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad.

Hadiah2 itu ada-lah di-berikan oleh Sharikat Minyak Shell kepada penuntut2 dan murid2 yang terbaik dalam hal ehwai pelajaran dan budi perangai bagi tahun 1961.

Dua orang Pegawai2 dari Sharikat Minyak Shell itu, Inche Abdul Samad H. Johari dan Inche Cheah Tat Khean telah menyampaikan hadiah2 itu kepada para pelajar2 tersebut.

Hadiah2 sa-macam itu telah di-berikan oleh Sharikat Minyak Shell kepada para pelajar di-negeri ini semenjak beberapa tahun yang lalu.

Penuntut2 dan murid2 dari Seria, Kuala Belait dan Bandar Brunei yang berhasil mendapat hadiah2 tersebut ada-lah seperti di-bawah ini:

Seria: Sekolah Perempuan St. Angela Convent—Doris Tann dan Mona Cheah. Sekolah Lelaki St. Michael — Kong Thien Song dan Peter Wan. Sekolah St. Margaret — Mary Tan dan Leong Chee Ang. Sekolah Menengah China Chung Ching — Law Tak Luen dan Lau Wai Khoo. Sekolah Rendah China Chung Ching — Leong Siew. Foo dan Chow Wei Chin. Sekolah Melayu Muhammad Alam — Sadim bin Madiman dan Rasidah binti Awang Damit. Maktab Anthony Abell — Chan Siew Fang dan Wong Mei Yuen.

Kuala Belait: Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin—Abdullah bin Haji Tahir dan Dayangku Saimah binti Pengiran Damit. Sekolah Menengah China Chung Hwa — Kok Chong Syn dan Kang Jin Jan. Sekolah Inggeris St. John — Lee Hong Kong dan Theresa Cheong Choo Bee.

Bandar Brunei: Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin—Ahmad bin Abu Bakar dan Wong Mee Cheng. Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri — Foo Kui Yang dan Bibi binti Yusof. Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam — Awangku Badarudin bin Pengiran Abdul Ghani, Mohamed Ali bin Abdul-

kolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam — Awangku Badarudin bin Pengiran Abdul Ghani, Mohamed Ali bin Abdul-



Inche Abdul Samad H. Johari kelihatan dalam gambar ini sedang menyampaikan hadiah Sharikat Minyak Shell kepada Awangku Badaruddin bin Pengiran Abdul Ghani, penuntut Darjah VIII A, Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam.

PERKHEMAHAN PENGAKAP SA-DUNIA DI-GREECE

BANDAR BRUNEI. — Sa-orang Guru Pengakap dan 7 orang Pengakap2 akan di-pilih dari seluruh Negeri Brunei sa-bagai wakil2 dari negeri ini untuk menghadiri Perkhemahan Pengakap Sa-Dunia yang akan di-adakan di Greece dalam bulan Ogos tahun hadapan.

Perkara tersebut telah di-umumkan oleh Pesuruh Jaya Pengakap Negeri Brunei, Inche P. A. Coates dalam Meshuarat Jawatan Kuasa Persatuan Pengakap Bandar Brunei.

Meshuarat itu telah di-adakan di-rumah Inche Coates pada lewat petang 15 November dan di-pengerusi oleh Pengerusi, Persatuan Pengakap Bandar Brunei, Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim.

Pesuruh Jaya Pengakap Negeri Brunei berkata bahawa Majlis Pengakap Negeri Brunei telah bersetuju hendak mengadakan perkhimahan itu selama tiga hari mulai dari hari Jumaat 7 December.

Pengakap2 dari seluruh Negeri Brunei akan mengambil bahagian di-temasha tersebut, termasuk beberapa orang Pengakap2 "serigala."

Pada malam 7 December, Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Brunei akan menunjukan wayang gambar dan pada malam 8 December pula akan di-apadan "camp fire" di-temasha perkhemahan tersebut.

Berhubung dengan perkhemahan tersebut, Pesuruh Jaya Pengakap Negeri Brunei berkata bahawa ia sangat sukachita menyaksikan ramai Pengakap menghadiri perkhemahan itu.

Hamid, Awangku Mohamed Said bin Pengiran Mohamed Daud dan Fatimah binti Awang Aman. Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah—Fatimah binti Ibrahim. Sekolah Inggeris St. George — Koh Lian Kiat dan Dayangku Mariam binti Pengiran Sepudin. Sekolah Inggeris St. Andrew—Lim Kian Chai dan Poong Kim Ping. Sekolah Menengah China Chung Hwa — Lim Eng Hui dan Yang Yi Chuan. Sekolah Melayu Bera-kas — Ramli bin Mohamed Zain dan Dayangku Rosnah binti Pengiran Hashim.

AHLI2 LEMBAGA PENASEHAT BAHASA

BANDAR BRUNEI. — DuliYang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah dengan sukachita melantek Ahli2 Lembaga Penasehat Bahagian Bahasa dan Pustaka, Pejabat Pelajaran, Brunei seperti di-bawah ini:

Pengarah, Bahagian Bahasa dan Pustaka (Pengerusi), Yang Berhormat Inche Mohamed Salleh bin Haji Masri, Yang Berhormat Pengiran Metussin bin Pengiran Haji Lampoh, Inche Abdul Manan bin Mohamed, Inche Mohamed Hussain bin Mohamed Yusof, Inche Umar bin Mohamad, Inche Musib bin Chik dan Inche Othman bin Bidin.

Wang Kertas Perak Dan Tembaga

BANDAR BRUNEI. — Cha-butan peringatan yang di-keluarkan oleh Pesuruh Jaya Kewangan Malaya dan Borneo Inggeris atas edaran wang kertas, wang perak dan wang tembaga pada 1 September, 1962 ia-lah:-

Jumlah penoh wang kertas yang dalam edaran pada 1 September, 1962—\$1,126,457,729.13 sen.

Jumlah wang perak dan tembaga yang dalam edaran pada 1 September, 1962 — \$58,887,930.08 sen.

Jumlah rata wang kertas yang dalam edaran pada bulan Ogos 1962—\$1,120,024,626.29 sen.

Jumlah rata wang perak dan tembaga yang dalam edaran da bulan Ogos 1962 — \$58,887,989.84 sen.

Keputusan Peraduan Mengarang

BANDAR BRUNEI. — Keputusan peraduan mengarang yang telah di-adakan di-bawah anjoran Persatuan Belia Bandar Brunei baharu2 ini ada-lah seperti berikut:

Karangan dalam Bahasa Melayu — orang2 dewasa:

1. Chegu Leman bin Ahmad dari Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei. Tajok karangan-nya ialah "Memajukan Masharakat bererti memajukan Negara". 2. Inche Ismail bin Apong dari Pejabat Kerja Raya, Bandar Brunei. Tajok karangan-nya ialah "Peranan belia dalam perkembangan masharakat". 3. Tuan Syed Ahmad Fadhul Ali dari Pejabat Perjawatan, Brunei. Tajok karangan-nya ialah "Memajukan masharakat bererti memajukan Negara".

Karangan dalam Bahasa Melayu — murid2 sekolah;

1. S.M. Hasrin dari Sekolah Melayu Sultan Muhammad Je-

malul Alam, Bandar Brunei. Tajok karangan-nya ia-lah "Chita2 saya". 2. Noordin bin Abdul Wahab dari Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei. Tajok karangan-nya ia-lah "Chita2 saya". 3. Omar bin Haji Serudin dari Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei. Tajok karangan-nya ia-lah "Pengalaman saya di-bangku sekolah".

Karangan dalam Bahasa Inggeris — murid2 sekolah: Pertama Shim Shy Moi dari Maktab Anthony Abell, Seria, dan, yang kedua: Lucy Leong Mee dari Sekolah Perempuan Saint Angela Convent, Seria. Tajok karangan kedua2 murid itu ia-lah "Chita2 saya" (My Ambition).

MELAWAT LABUAN

BANDAR BRUNEI. — Dua orang Pegawai Kanan Kerajaan Brunei, ia-itu Yang Berhormat Inche Sa'ad bin Marzuki, Pesuruh Jaya Kemajuan Negeri Brunei dan Pegawai Laut Negara, Brunei, Kapitan E.H. Muton telah melawat ka-Labuan selama dua hari baharu2 ini untuk mengadakan perundingan mengenai pelabohan dengan Pengarah Laut di-sana.

Mereka di-sertai oleh Penasehat Ekonomi Bangsa2 Bersatu di-Brunei, Doktor J.S. Gould dan Inche B. Nagorski, pakar perancang pelabohan Bangsa2 Bersatu di-Brunei.

50 Orang Parajurit Meneruskan Latehan Di-Malaya

BANDAR BRUNEI. — Lima puluh orang parajurit2 Askar Melayu Brunei yang telah balek ka-Tanah Ayer pada malam 30 Oktober untuk berhutit telah belayar ka-Singapura dengan kapal laut pada 12 November dalam perjalanan ka-Persekutuan Tanah Melayu untuk meneruskan latehan di-Perkhemahan Siginting, Port Dickson.

MENTERI MUDA PENERANGAN DAN SIARAN RADIO MELAWAT BRUNEI

BERAKAS — Mentri Muda Penerangan dan Siaran Radio, Persekutuan Tanah Melayu, Yang Berhormat Inche Ismail bin Yusof telah tiba di-Brunei dari Jesselton pada 8 November dalam bidang lawatan beliau selama 12 hari ka-Negeri2 Sarawak, Brunei dan Sabah.

Beliau di-sertai oleh Inche Zainal Abidin bin Sulong sang pegawai dari Kementerian Hal Ehwal Luar Persekutuan Tanah Melayu.

Inche Ismail dan Inche Zainal Abidin telah berlepas ka-Kuching dengan kapal terbang pada 10 November. Di-antara Pegawai2 Kerajaan Brunei yang telah tiba di-lapangan terbang di-sini untuk mengucapkan "selamat melawat ka-Kuching" kepada beliau2 tersebut ia-lah Timbalan Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim yang juga menjadi Pengarah Siaran Radio dan Penerangan, Negeri Brunei.

Parajurit2 itu di-ketuai oleh Lans Korpral Abdul Samad bin Abang Yusof, sa-orang parajurit dari pasukan yang pertama Askar Melayu Brunei.

Pada pagi 12 November beratus2 orang telah berkumpul di-Tambatan Kastam Diraja di-sini untuk mengucapkan selamat belayar kepada parajurit2 tersebut.

Kadhi Daerah Temburong, Yang Mulia Bengawan Mudim Haji Adnan telah membachakan do'a selamat dan Yang Mulia Mudim Haji Yusof telah menyuarakan' azan sa-belum kapal "Bolkiah" yang membawa parajurit2 tersebut belayar ka-Labuan.

Parajurit2 itu telah tiba di-Labuan pada tengah hari tersebut dan telah belayar dari sana ka-Singapura dengan kapal "Keningau" pada lewat petang hari itu.

Menurut berita dari Singapura, parajurit2 tersebut telah selamat tiba di-sana pada hari Sabtu yang lalu.

JURUTERA TALIKOM BALEK KA-MALAYA

BERAKAS. — Inche Shamsuddin Kadir, sa-orang jurutera dari Persekutuan Tanah Melayu telah berlepas dari Brunei dengan kapal terbang ka-Persekutuan Tanah Melayu baharu2 ini setelah berkhidmat selama dua bulan dengan Jabatan Talikom Brunei.

Tiga orang lagi yang telah membantu Inche Shamsuddin dalam melaksanakan tugasnya di-Negeri Brunei telah juga

kembali ka-Persekutuan Tanah Melayu bersama2 dengan-nya.

Mereka ia-lah Inche C.L. Ninis, Inche Abu bin Ibrahim dan Inche Ching Kew.

Pengawal Talikom Negara Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra Dato Paduka Haji Mohamed bin Pengiran Piut serta beberapa orang yang lain telah mengucapkan selamat jalan kepada Inche Shamsuddin serta pembantu2-nya di-lapangan terbang tempatan.

Doktor2 Baharu Dari Manila

BERAKAS. — Dua orang Doktor baharu telah tiba di-Brunei dari Manila dengan kapal terbang pada 12 November untuk berkhidmat dengan Kerajaan Brunei.

Doktor2 itu ia-lah Doktor Francisco L. Mayor dan Doktor Manuel D. Martinez.

Doktor Maylor telah di-lantek sa-bagai Pegawai Kesehatan, manakala Doktor Martinez pula di-lantek sa-bagai sa-orang Pegawai Perubatan.

Mereka telah berlepas dari Manila pada pagi hari tersebut ka-Jesselton dengan kapal terbang Cathay Pacific Airways dan telah tiba di-Brunei melalui Labuan pada pukul 9.30 malam hari itu juga.

15 ORANG DOKTOR

Pegawai Perubatan Negara Brunei, Doktor Abdul Wahab Ariff telah menyambut Doktor2 itu ketika mereka mendarat di-lapangan terbang di-sini.

Dengan ketibaan Doktor2 baharu itu, pada masa ini ada seramai 15 orang Doktor yang berkhidmat dengan Kerajaan Brunei.

Sungguh pun pada masa ini sa-orang Doktor ada-lah berkhidmat untok di-antara 4,000 dan 5,000 orang, akan tetapi beberapa orang Doktor lagi dari luar negeri akan dipilih untok berkhidmat dengan Jabatan Perubatan Negeri Brunei, kata Doktor Abdul Wahab Ariff.

PENYAKIT KOLERA:

PENGUMUMAN PENTADBIRAN KESEHATAN

BANDAR BRUNEI. — Pentadbiran Kesehatan Brunei menghendaki pelancong2 atau orang2 yang datang dari Daerah Ulu Serian, Bahagian Pertama, Sarawak, supaya bersuntek bagi mencheegah penyakit kolera.

Ini ada-lah berikutan dengan satu ma'alumat yang di-terima oleh Pentadbiran itu dari Quarantine International Pertubohan Kesehatan sa-Dunia di-Geneva, yang menyatakan bahawa Pentadbiran Kesehatan Sarawak telah mengsihtiharkan Daerah Ulu Serian itu, sa-bagai kawasan berjangkit, kerana berlakunya penyakit kolera.

Untok mencheegah penyakit tersebut dari merebak di-negeri ini, juruchakap Pentadbiran Kesehatan Brunei menasihatkan semua penduduk2 supaya bersuntek untok menentang penyakit kolera itu.

Juruchakap itu berkata bahawa pejabat-nya ada mempunyai chukup ubat suntakan untok 30,000 orang, dan perbekalan salanjut-nya akan di-datangkan segera dari Persekutuan Tanah Melayu untok mengadakan suntakan bagi seluruh penduduk.

PELAWAT DARI AUSTRIA

BANDAR BRUNEI. — Pesu roh Jaya Perdagangan Austria di-Singapura, Doktor Lothar Puxkandal telah melawat ka-Brunei baharu2 ini dalam bidang lawatan-nya ka-Negeri2 Sarawak, Brunei dan Sabah.

Dalam satu wawancara, Doktor Lothar berkata kepada sa-orang wartawan kita bahawa lawatan-nya ka-Brunei ia-lah untok meninggikan taraf perdagangan di-antara negeri ini dan Negeri Austria.

Sabelum di-lantek menjadi Pesu roh Jaya Perdagangan Austria di-Singapura, Doktor Lothar telah berkhidmat sa-bagai Pesu roh Jaya Perdagangan Austria di-Bangkok dan Kalkata. Terdahulu dari itu, beliau pernah berkhidmat di-Habshah dan Afrika Timor.

Ketika di-tanya apakah hasil pengeluaran negeri-nya yang terbesar, Doktor Lothar menjawab bahawa hasil yang besar itu ia-lah kain2 dan barang2 perusahaan.



Dahulu-nya pemandangan sa-macam ini hanya di-dapati pada musim2 buah, dan sekarang sudah menjadi kebiasaan dan sering di-dapati pada hari2 Juma'at. Kadang2 pada hari2 lain ada juga. Ini dia satu pemandangan TAMU di-Bandar Brunei.

KAPAL KOREK "SIDEWINDER" TIBA TAHUN DEPAN

SERIA. — Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad mema'alumkan minggu ini bahawa perundingan sedang di-jalankan untuk menyewa sa-buah kapal pengorek yang bernama 'Sidewinder', yang di-punyai oleh Zapata Off-Shore Company di-Amerika Sharikat. Kapal ini di-maksudkan sa-bagai ganti kepada pelantar penggali 'Orient Explorer' pada masa pertengahan tahun hadapan.

Kapal baru ini akan di-gunaan untuk meneruskan pekerjaan menchari minyak di-Laut China Selatan], dan ia akan memudahkan penggalian pada tempat2 dimana keadaan2 kedalaman ayer dan dasar laut yang lembut menyulitkan pemakaian "Orient Explorer".

"Kawasan2 yang lebih luas dan lengkungan yang mudah di-angsur dari kawasan di-laut yang sudah di-pileh, dengan pemilihan tempat2 yang lebih luas, mungkin dapat di-jalankan dengan 'Sidewinder', sabuah rig di-ayer yang di-jaga dengan chu-kop kokoh sa-lama dalam masa penggalian dengan melancarkan 'penjamin2' dan gandong2, dan berlaboh dengan lapan jamkar besar.

Penggalian dapat di-jalankan samaada melalui sabuah lobang di-tengah2 kapal, atau derek itu dapat dilunchorkan hingga ianya berdiri mengganding di-sisi.


"Sidewinder" adalah 260 kaki panjang, 70 kaki lebar (dengan keseluruhan lebar 180 kaki termasuk gandong2). Ia mempunyai pelantar untuk perhentian helikopter, dan tempat tinggal yang menchukopi.

Di-siapkan di-Amerika Sharikat tahun ini, ia pada masa sekarang ini di-pakai untuk pengorekan di-Telok Mexico; penundaan-nya ka-perayeran Borneo di-jangka akan memakan masa empat bulan.

*Sabagaimana "Orient Explorer", "Sidewinder" ini akan di-

jalankan oleh Shell Brunei dan di-sewakan kepada Shell Sarawak dan Sharikat Minyak Shell Sa-

lah, jika di-kehendaki untuk pengalihan di-laut dalam dua wilayah tersebut.



Kapal pengorek "Sidewinder" yang akan menggantikan kapal pengorek "Orient Explorer" bagi mengorek minyak di-laut sa-bagai mana yang di-beritakan.

SIARAN RADIO BRUNEI BAHAGIAN MELAYU

Ranchangan Siaran Radio Brunei bahagian Melayu mulai dari 21 November hingga 27 November ada-lah saperti berikut: — RABU — 21 NOVEMBER

Siaran Pagi

6.30 Selamat Sejahtera
6.32 Bacha'an Al-Koran dan diikuti dengan Lagu2 Tanpa Nyanyian
6.45 Lagu2 Kronchong
7.00 Tanda Waktu dan Rengkasannya
7.05 Pilehan Juru-Hebah
7.30 Rehat

Siaran Tengah Hari

12.30 Selamat Sejahtera
12.32 Hiboran
12.45 Halaman Perbincangan — (S.U.)

1.00 Tanda Waktu dan Warta Berita

1.15 Lagu2 Rampaian
1.30 Rehat

Siaran Malam

7.00 Selamat Sejahtera.
7.02 Hiboran
7.15 Permainan Pancharagam — Penerbit Othman Kamaruddin

7.45 Lagu2 Perminta'an Suka Ramai — Oleh Dk. Intan
8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita

8.45 Cherita Pendek
8.59 Siaran Melayu Tammat

KAMIS — 22 NOVEMBER

Siaran Pagi

6.30 Selamat Sejahtera
6.32 Bacha'an Al-Koran dan diikuti dengan Lagu2 Tanpa Nyanyian

6.45 Lagu2 Hiboran
7.00 Tanda Waktu dan Rengkasannya
7.05 Perminta'an Sambil Sarapan

7.30 Rehat

Siaran Tengah Hari

12.30 Selamat Sejahtera
12.32 Lagu2 Nyanyian Rubiah
12.45 Majallah Sain dan Perusahaan — (S.U.)

1.00 Tanda Waktu dan Warta Berita

1.15 Lagu2 rampaian
1.30 Rehat

Siaran Malam

7.00 Selamat Sejahtera.
7.02 Bacha'an Al-Koran
7.15 Kursus Al-Koran—Oleh Tuan Haji Khalidi

7.45 Sharahan Ugama
8.00 Lagu2 Masir
8.15 Sejarah Islam
8.30 Tanda Waktu dan Warta

Berita

8.45 Tafsir Al-Koran—Oleh Ustaz Salleh Haji Abdul Majid
8.59 Siaran Melayu Tammat

JUMA'AT — 23 NOVEMBER

Siaran Pagi

6.30 Selamat Sejahtera
6.32 Bacha'an Al-Koran dan diikuti dengan Lagu2 Tanpa Nyanyian

6.45 Lagu2 Hiboran
7.00 Tanda Waktu dan Rengkasannya
7.05 Warta Berita

7.05 Pilehan Juru-Hebah
7.30 Rehat
9.00 Selamat Sejahtera

9.01 Bacha'an Al-Koran dan diikuti dengan Lagu2 Tanpa Nyanyian

9.15 Lagu2 Melayu Asli
9.30 Pelajaran Ugama Di-Udara — Oleh Pa'Nghah

9.45 Jamatul Anashid — Pimpinan Abd. Kadir Awang

10.00 Lagu2 Berupa Tanpa Nyanyian

10.15 Rengkasannya Warta Berita
10.20 Hiboran
10.29 Rehat

Siaran Tengah Hari

12.30 Selamat Sejahtera
12.32 Mimbar Islam—Sembahyang Juma'at Di-Masjid Omar Ali Saifuddin, selepas itu diikuti Dengan Lagu2 Masir

12.45 Asohan wanita — Dk. Intan
1.30 Tanda Waktu dan Warta Berita

1.45 Hiboran Penutup
2.00 Rehat

Siaran Malam

7.00 Selamat Sejahtera.
7.02 Hiboran Pembuka'an
7.15 Sandiwara Radio — Penerbit Abd. Wahab Mohd.

8.00 Lagu2 Perminta'an Suka Ramai — Oleh Dk. Intan

8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita

8.45 Hiboran Akhir
8.59 Siaran Melayu Tammat

SABTU — 24 NOVEMBER

Siaran Pagi

6.30 Selamat Sejahtera
6.32 Bacha'an Al-Koran dan diikuti dengan Lagu2 Tanpa Nyanyian

6.45 Hiboran
7.00 Tanda Waktu dan Rengkasannya
7.05 Warta Berita

7.05 Perminta'an Sambil Sarapan
7.30 Rehat

Siaran Tengah Hari

12.30 Selamat Sejahtera

12.32 Hiboran

12.45 Asohan Wanita — (S.U.)
1.00 Tanda Waktu dan Warta Berita

1.15 Lagu2 Rampaian
1.30 Rehat

Siaran Malam

7.00 Selamat Sejahtera.
7.02 Lagu2 Hiboran
7.15 Majallah Melalui Udara — Rakaman VOA—Othman Kamaruddin

7.30 Lagu2 Jenaka
7.45 Penjajahan Di-Asia Tengah—Rakaman VOA—A. Bakar

8.00 Lagu2 America Selatan — (Tanpa Nyanyian)

8.15 Latar Belakang — Rakaman BBC London

8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita

8.45 Hiboran Malam Ahad
8.59 Siaran Melayu Tammat

AHAD — 25 NOVEMBER

Siaran Pagi

6.30 Selamat Sejahtera
6.32 Bacha'an Al-Koran dan diikuti dengan Lagu2 Tanpa Nyanyian

6.45 Lagu2 Dondang Sayang
7.00 Tanda Waktu dan Rengkasannya
7.05 Warta Berita

7.05 Pilehan Juru-Hebah
7.30 Rehat
9.00 Selamat Sejahtera

9.02 Senandung Pagi
9.15 Ruangan Masak2kan — Zainab Z. Abidin

9.30 Ruangan Apa Khabar — Zainab Z. Abidin

10.15 Rengkasannya Warta Berita
10.20 Lagu Hiboran
10.29 Rehat

Siaran Tengah Hari

12.30 Selamat Sejahtera
12.32 Permainan Pancharagam — Penerbit Othman Kamaruddin

1.00 Tanda Waktu dan Warta Berita

1.15 Lagu2 Berirama Tango
1.30 Rehat

Siaran Malam

7.00 Selamat Sejahtera
7.02 Hiboran Pembuka'an
7.15 Majallah Radio — Penerbit Othman Kamaruddin

7.45 Lagu2 Dari Hawaii
8.00 Bahasa dan Kesusteraan
8.15 Lagu2 berirama Bion

8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita

8.45 Hiboran Akhir
8.59 Siaran Melayu Tammat

ISNIN — 26 NOVEMBER

Siaran Pagi

6.30 Selamat Sejahtera
6.32 Bacha'an Al-Koran dan diikuti dengan Lagu2 Tanpa Nyanyian

6.45 Lagu2 Hiboran
7.00 Tanda Waktu dan Rengkasannya
7.05 Warta Berita

7.05 Pilehan Juru-Hebah
7.30 Rehat

Siaran Tengah Hari

12.30 Selamat Sejahtera
12.32 Lagu2 nyanyian S. Hamid
12.45 Latar Belakang—(S.U.)
1.00 Tanda Waktu dan Warta Berita

1.15 Hiboran Penutup
1.30 Rehat

Siaran Malam

7.00 Selamat Sejahtera
7.01 Hiboran
7.15 Cherita Pendek — (S.U.)
7.30 Lagu2 Perminta'an Suka Ramai — Oleh Zainab Abidin

8.15 Majallah Sain dan Perusahaan—Rakaman BBC London

8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita

8.45 Lagu22 Lama dan Baru
6.30 Selamat Sejahtera

8.59 Siaran Melayu Tammat

SELASA — 27 NOVEMBER

Siaran Pagi

6.30 Selamat Sejahtera
6.32 Bacha'an Al-Koran dan diikuti dengan Lagu2 Tanpa Nyanyian

6.45 Lagu2 Senandung Pagi
7.00 Tanda Waktu dan Rengkasannya
7.05 Warta Berita

7.05 Perminta'an Sambil Sarapan
7.30 Rehat

Siaran Tengah Hari

12.30 Selamat Sejahtera
12.32 Lagu2 Perminta'an — Oleh P. Mohd.

1.00 Tanda Waktu dan Warta Berita

1.15 Hiboran
1.30 Rehat

Siaran Malam

7.00 Selamat Sejahtera
7.02 Hiboran
7.15 Ruangan Pemuda Pemuda — Zainab Z. Abdullah

7.45 Pilehan Sendiri — Penerbit Othman Kamaruddin

8.15 Ilmu Pengetahuan — Rakaman VOA

8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita

8.45 Cherita Seram
8.59 Siaran Melayu Tammat

PEGAWAI KEBAJIKAN MASHARAKAT NEGARA NASEHATKAN BELIA

BANDAR BRUNEI. — Persatuan Belia Bandar Brunei telah mengadakan satu majlis cheramah di-dewan Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei pada petang hari Jumaat 16 November, 1962. Majlis itu juga di-adakan untuk menyampaikan hadiah2 kepada peserta2 yang berjaya dalam peraduan mengarang di-bawah anjoran persatuan tersebut.

Pengerusi Jawatan Kuasa Peranchang, Persatuan Belia Bandar Brunei, Inche Yahya bin Mohamed Yusof telah memimpin majlis tersebut.

Di-antara ramai orang yang hadir di-majlis itu ia-lah Pegawai Kebajikan Masharakat Negara Brunei, Yang Berhormat Inche H.M. Salleh.

Inche Yahya telah membuka majlis tersebut dengan mengucapkan terima kasih kepada para hadirin sekalian, terutama sa-kali pada para jemputan khas.

Beliau menyatakan bahawa Persatuan Belia Bandar Brunei telah di-daftarkan dengan rasminya dalam bulan Julai tahun ini.

Semenjak masa itu, kata-nya, persatuan tersebut telah pun melaksanakan beberapa projek yang besar, di-antara-nya ia-lah mengadakan peraduan mengarang terbuka kepada belia2 dan orang2 dewasa di-seluruh negeri ini dan juga mengadakan pengembaraan berjalan kaki ka-Lumapas.

Sa-lepas itu beliau telah menjemput Pegawai Kebajikan Masharakat Negara Brunei, Yang Berhormat Inche H. M. Salleh memberikan cheramah.

Yang Berhormat Inche Salleh berkata bahawa beliau berasa bangga datang ka-majlis itu dan bercheramah berkenaan dengan masa'alah2 yang bersangkutan paut dengan kebajikan masharakat belia.

Dalam cheramah-nya itu, Yang Berhormat Inche Salleh telah menasehatkan kepada ahli2 persatuan belia tersebut bahawa jangan-lah mereka mengambil bahagian yang chergas dalam hal ehwal politik, kerana ada badan2 yang lain yang mengandalkan perkara politik itu.

Beliau menyatakan lagi bahawa belia dapat-lah di-bandingkan sa-bagai pokok.

Kalau-lah pokok itu di-beri baja dan di-jagai dengan baik maka dapat-lah ia mengeluarkan hasil yang baik belaka dan dapat-lah masharakat menikmati hasil dari pokok itu, tegas Yang Berhormat Inche Salleh.

Beliau berharap sa-moga belia2 dalam Negeri Brunei akan dapat menjadi pemuda-pemudi yang berguna kepada masharakat dalam negeri ini pada sa-tiap masa.

Yang Berhormat Inche Salleh menambah-kata bahawa Jabatan Kebajikan Masharakat Negeri Brunei akan memberi bantuan kepada persatuan2 belia dalam negeri ini kalau di-fikirkan bantuan itu mustahak di-beri kepada persatuan yang berkenaan itu.

Sa-lepas itu Pengerusi majlis tersebut pun menjemput Pengiran Haji Puteh bercheramah.

Terlebih dahulu Pengiran Haji

Puteh menerangkan bahawa sunggoh pun beliau menjadi Yang Dipertua, Persatuan Belia Bandar Brunei akan tetapi beliau memberi cheramah di-majlis tersebut dengan sifat beliau se-bagai Yang Dipertua, Majlis Belia Negeri Brunei.

Dalam cheramah-nya Pengiran Haji Puteh telah menerangkan perkara2 yang bersangkutan paut dengan Majlis Belia Negeri Brunei.

Beliau berkata bahawa Majlis Belia Negeri Brunei itu telah ditubuhkan dalam tahun 1957 di-bawah pimpinan Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim sebagai Yang Dipertua-nya.

Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusuf telah meletakkan jawatan-nya itu sa-tahun kemudian dan semenjak masa itu beliau telah menjadi Yang Dipertua Majlis Belia Negeri Brunei hingga-lah ka-hari ini.

Pengiran Haji Puteh telah menasehatkan kepada pemuda-pemudi di-negeri ini supaya mereka bersatu hati kerana kata-nya, "bersatu itu kukuh dan bersatu itu kita kuat."

Maka dengan mempunyai perasaan yang sa-macam ini, kata-

nya, pemuda-pemudi di-Negeri Brunei akan memperoleh ke-jayaan dalam melaksanakan berbagai2 jurusan.

Majlis Belia Negeri Brunei, tegas Pengiran Haji Puteh, ada mempunyai perhubungan dengan Perhimpunan Belia Sa-Dunia yang di-kenali dengan nama "WAY" atau "World Assembly of Youth" Beliau berasa sukacita mema'lomkan bahawa Majlis Belia Negeri Brunei telah diterima menjadi ahli penoh dalam Perhimpunan Belia Sa-Dunia itu semenjak dua tahun dahulu.

Sa-bagai satu bukti-nya Majlis Belia Negeri Brunei telah menghantarkan Wakil-nya untuk menghadiri Seminar2 Belia Sa-Dunia di-luar negeri, kata-nya lagi.

Sa-lepas itu Pegawai Kebajikan Masharakat Negara, Yang Berhormat Inche H. M. Salleh telah menyampaikan hadiah2 kepada penulis2 yang berjaya dalam peraduan mengarang.

Majlis itu di-tamatkan dengan mengadakan jamuan kueh dan minuman.

LULUSKAN USUL

(Dari Muka 1)

Kechil Kampong Batang Mitus, Jalan Kechil Kampong Bakiau dan Jalan Kechil Kampong Lamunin ka-Kuala Abang.

Majlis Meshuarat Daerah Tutong telah meluluskan usul itu dalam persidangan tersebut.

Awang Mohamed Zain bin Seruddin telah mengemukakan tiga so'alan ia-itu mengenai peratoran menetapkan harga2 ikan di-Pasar Tutong, pengeluaran geran2 tanah yang telah di-sukat oleh Kerajaan dan mengenai so'al tandas di-Pekan Tutong.

So'alan2 tersebut telah di-jawab oleh Pengerusi Majlis dan dua orang Ahli yang di-lantek, ia-itu Inche Abdullah bin Penyurat Haji Abu Bakar dan Inche Ahmad bin Haji Ismail.



Para pelawat dari Bukit Sawat kelihatan dalam gambar ini sedang mendengarkan penerangan oleh sa-orang Pegawai dari Jabatan Pertanian semasa mereka melawat ka-Pusat Penchobean Tanam2an di-Luahan baharu2 ini.

Rekrut2 Polis Balek Dari Malaya

BANDAR BRUNEI. — Empat puluh orang rekrut2 polis dari Brunei sedang berlatih di-Pusat Latehan Polis Diraja Persekutuan Tanah Melayu di-Kuala Lumpur.

Dua puluh orang daripada rekrut2 polis tersebut akan balek ka-Brunei dalam bulan Januari tahun hadapan sa-telah tamat latehan sa-lama sembilan bulan.

Dua puluh orang lagi rekrut2 polis itu akan balek ka-Tanah Ayer pada pertengahan tahun hadapan kelak.



Pengarah Urusan Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad, Yang Berhormat Inche P.M. Linton telah melawat ka-Kampung Panchor Murai bersama2 dengan Wakil Sharikat Minyak Shell di-Bandar Brunei, Inche P.A. Coates dan penolong-nya Inche Chua Kong Heng baharu2 ini untuk menyampaikan pembesar suara yang di-hadiahkan oleh Sharikat Minyak itu kepada Mesjid Panchor Murai. Gambar di-sa-belah kiri menunjokan Inche Linton sedang menyampaikan alat2 pembesar suara itu kepada Tuen Haji Wahab bin Abdullah dan kanan ia-lah gambar ramai para hadirin di-majlis menyampaikan hadiah itu.

PERLA WANAN BOLA SEPAK ANTARA SEKOLAH2

BANDAR BRUNEI—Perlawanan bola sepak pusingan pertama di-antara Sekolah2 Melayu, Inggeris dan China untuk menentukan kejohanan sa-negeri ini telah pun di-jalankan baharu2 ini di-tiap2 Daerah. Perlawanan itu di-jalankan dengan sa-chara pukul mati dan di-bahagikan kepada tiga kumpulan.

Kumpulan "A" ada-lah terbuka kepada murid2 kecil yang di-lahirkan dalam tahun 1950 keatas dan sukan tinggi tidak lebih dari 4 kaki 8 inci.

Kumpulan "B" ada-lah terbuka kepada murid2 yang di-lahirkan dalam tahun 1947 kebawah.

Pasokan yang menjadi johan dalam Kumpulan "A" akan di-hadiahkan Perisai Perak W. J. Peel, manakala pasokan yang menjadi naib johan dalam kumpulan tersebut pula akan di-berikan hadiah Piala Perak N.E. Clark.

Berkean dengan Kumpulan "B", pasokan yang menjadi johan akan di-hadiahkan Piala Perak E.W. Cousen dan naib johan dalam kumpulan itu akan di-berikan hadiah Piala Perak yang di-hadiahkan oleh Jawatan

Kuasa Sambutan Perkembalian Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin dari Eropah.

Piala perak untuk pasokan yang menjadi johan dalam Kumpulan "C" di-hadiahkan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra Dato Paduka Haji Mohamed dan perisai perak untuk pasokan yang menjadi naib johan dalam kumpulan itu di-hadiahkan oleh Yang Berhormat Pengiran Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Pegawai Daerah Belait.

Masa untuk Pasokan "A"—ialah lima puluh minit dan masa berehat ia-lah lima minit. Masa untuk Pasokan2 "B" dan "C" ia-lah enam puluh minit dan lima minit rehat.

Sa-kira-nya kedua2 pasokan

yang berlawan itu seri, maka tendangan sudut atau "corner" di-kira untuk menentukan kemenangan.

Perlawanan untuk menentukan kejohanan tiap2 Daerah telah pun di-jalankan baharu2 ini.

Giliran perlawanan pusingan sa-paroh akhir antara Daerah2 ada-lah seperti di-bawah ini:

Pasokan "A": Johan Daerah Belait melawan johan Bahagian Brunei I di-Kuala Belait. Johan Daerah Tutong melawan johan Daerah Temburong di-Bandar Brunei. Pasokan yang menang di-antara pasokan yang menjadi johan Daerah Tutong dan Daerah Temburong akan melawan pasokan yang menjadi johan Bahagian Brunei II di-Tutong atau pun di-Bandar Brunei.

Pasokan "B": Johan Daerah Belait melawan johan Bahagian Brunei I di-Kuala Belait. Johan Daerah Tutong melawan johan Daerah Temburong di-Bandar Brunei. Johan di-antara Daerah2 Tutong dan Temburong melawan johan Bahagian Brunei II di-Bandar Brunei atau pun di-Tutong.

Pasokan "C": Johan Daerah Tutong melawan johan Daerah Temburong di-Tutong. Johan Bahagian Brunei II melawan johan Bahagian Brunei I di-Bandar Brunei. Johan di-antara Brunei II dan Brunei I melawan johan Daerah Belait di-Kuala Belait.

CHEGU MANAF KA-PERTH

BERAKAS. — Nadzir Senaman dan Permainan Negeri Brunei, Chegu Abdi Manaf bin Penyurat Haji Abu Bakar telah berlepas ka-Perth, Australia dengan kapal terbang melalui Singapura baharu2 ini untuk menghadiri persidangan mengenai pelajaran pergerakan badan sa-bagai sa-orang wakil dari Negeri Brunei.

Wakil2 dari negara2 Commonwealth Inggeris telah juga menghadiri persidangan tersebut.

Sa-lain dari itu, Chegu Abdi Manaf juga menghadiri temasha Sukan Commonwealth di-Perth.

Beliau akan balek ka-Brunei dalam bulan hadapan.

BERAKAS DAN BUNUT MENANG

BANDAR BRUNEI. — Perlawanan akhir bola sepak di-antara sekolah2 dalam kawasan Luar Bandar, Brunei telah di-adakan di-padang Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam pada petang 14 November.

Keputusan-nya ada-lah seperti berikut:

Pasokan "A": Sekolah Melayu Berakas mengalahkan Sekolah Melayu Panchor Murai dengan dua gol tidak berbalas.

Pasokan "B": Sekolah Melayu Bunut mengalahkan Sekolah Melayu Berakas dengan tiga sudut atau "corner" berbalas satu sudut, kerana kedua2 pasokan itu tidak dapat menjaringkan satu gol pun dalam masa perlawanan.

Timbalan Setia Usaha Kerajaan, Brunei, Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah menyampaikan hadiah2 kepada pasokan2 yang berjaya.

Maktab S.O.A.S. Gondol Hadiah2

BANDAR BRUNEI. — Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin telah berhasil menggondol hadiah2 pertama dalam ketiga2 bahagian perlawanan bola sepak di-antara sekolah2 dalam Bandar Brunei baharu2 ini.

Hadiah2 itu telah di-sampaikan kepada Pasokan2 "A", "B" dan "C" maktab tersebut oleh Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Raja Azam bin Raja Kamaralzaman di-padang Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam pada petang 12 November, ia-itu sa-lepas di-adakan dua perlawanan bola sepak di-antara Maktab S.O.A.S. dan Sekolah Melayu S.M.J.A.

Ketua2 Dan Anak2 Kampong Lawat Pusat2 Pertanian

KILANAS. — Sa-ramai 10 orang Ketua2 Kampong dan Wakil2 dari Mukim Bukit Sawat, Ulu Belait dengan di-ketuai oleh Penghulu Mukim Bukit Sawat Inche Sha'ari bin Karim telah melawat ka-beberapa Pusat Penchobaan Pertanian pada 14 November.

Mereka telah tiba di-Pusat Penchobaan Pertanian di-Kilanas pada awal pagi tersebut dan telah berada di-tempat itu sa-lama kira2 dua jam untuk menyaksikan berjenis2 tanam2an dengan mendapat penerangan daripada para orang Pegawai dari Jawatan Pertanian.

Sa-lepas berehat mereka telah melawat ka-Pusat2 Penchobaan Pertanian di-Luahan, Mulaut, Berakas dan Tanah Jambu.

Dua rombongan penduduk2 kampong telah melawat ka-Pusat2 Pertanian di-Kilanas, Mulaut, Luahan dan lain2-nya baharu2 ini. Mereka ialah dari Kampong Pengkalan Batu, Limau Manis dan dari Bukit Sawat, Ulu Belait. Dalam gambar2 ini kelihatan para pelawat itu semasa melawat ka-Pusat2 Pertanian.



HADIAH2 SHARIKAT MINYAK SHELL

BANDAR BRUNEI. — Hadiah2 kepada murid2 yang terbaik dalam kemajuan bagi Sekolah2 Melayu Sultan Mohamad Jamalul Alam dan Raja Isteri Fatimah di-Bandar Brunei telah di-langsungkan dalam satu istiadat rengkas di-kawasan Sekolah Melayu SMJA pada 12 November lepas.

MELAWAT PADANG MINYAK

SERIA. — Sa-rombongan Ahli2 Majlis Meshuarat Daerah Belait telah melawat ka-padang minyak Shell di-Seria baharu2 ini atas jemputan Sharikat Minyak itu.

Dalam masa lawatan itu mereka telah melawat ka-bilek Pameran Perusahaan untuk mendengar cheramah mengenai perusahaan minyak, melawat ka-kilang2 gas, kilang penapis ayer dan ka-lain kilang.

Sa-lah dari itu, Ahli2 Majlis Meshuarat Daerah Belait tersebut juga telah melawat ka-Pejabat Keselamatan dan melihat tayangan filem2 Shell.

Hadiah2 yang di-berikan oleh Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad kepada murid2 sekolah2 itu ada-lah antara hadiah2 yang di-berikan kepada 149 orang murid di-sekolah2 di-negeri ini.

Murid2 yang mendapt hadiah ia-lah empat orang dari Sekolah Melayu SMJA dan sa-orang dari Sekolah Melayu RIF. Mereka terdiri dari darjah2 Menengah, Sekolah Rendah Bahagian Atas dan Sekolah Rendah Bahagian Bawah.

Murid2 dari Sekolah Melayu SMJA ia-lah Ak. Badaruddin bin Pengiran Abdul Ghani (Darjah VIII-A), Mohammad Ali bin Abdul Hamid (Darjah VI), Fatimah binte Awang Aman (Darjah VI) dan Ak. Saidi bin Pengi-



Fatimah binti Ibrahim, penuntut Darjah V, Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah kelihatan sedang menerima hadiah Shell dari Inche Cheah Tat Kheam. Dudok di-belakang Inche Cheah, ia-lah Inche Abdul Samad, sa-orang Pegawai Sharikat Minyak Shell.

ran Mohd. Daud (Darjah II).

Murid dari Sekolah Melayu RIF ialah: Fatimah binte Ibrahim (Darjah V).

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh wakil2 Sharikat Minyak Shell Brunei, Inche Samad Johari dan Inche Chia Tat Kheam.

PELAWAT2 DARI BUKIT SAWAT



Gambar ini di-ambil di-Pusat Penchoban Tanam2an di-Kilanas pada masa lawatan pelawat2 dari Bukit Sawat. Penghulu Mukim Bukit Sawat, Inche Sha'ari bin Karim kelihatan duduk di-sa-belah kiri sa-kali dalam gambar ini.

Kongres Belia Di-Singapura

BANDAR BRUNEI. — Persidangan Perwakilan Dewan2 Belia Antara Bangsa dari Benua Asia, Australia dan Kawasan Pasifik akan di-adakan di-Singapura mulai dari 16 April hingga ka-21 April tahun hadapan.

Demikian menurut keterangan Inche Hian-Tsin Tan, Pengerusi Jawatan Kuasa Penaja persidangan tersebut.

Inche Tan telah melawat ka-Brunei dalam minggu yang lalu sa-lepas menghadiri Kongres Dewan Belia Antara Bangsa Sa-Dunia di-Hong Kong mulai dari 4 November hingga 11 November, 1962.

Sa-belum menghadiri Kongres Dewan Belia tersebut, Inche Tan telah mengelilingi dunia untuk menghubungkan perpaduan yang rapat di-antara Dewan Belia

Antara Bangsa, Singapura dan Dewan2 Belia Antara Bangsa di-lain2 negara.

Major Adam

KUALA LUMPUR. — Major Adam bin Abu Bakar dari Askar Melayu Diraja Persekutuan Tanah Melayu telah di-lantek menjadi Juru Iring kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong.

WABAK CHACHAR

JAKARTA. — Wabak chachar telah merebak ka-Sumatra dari Jawa baharu2 ini.

Dengan hal yang sademikian Pemerintah Tentera di-Palembang telah melancarkan satu kempen untuk menchegeh penyakit itu dari merebak.

Kerja Kosong Di-Pejabat Odit

Permohonan2 ada-lah di-jemput untuk memenohi kekosongan sebagai Pemeriksa Kira2 di-Jabatan Odit, Brunei.

Gaji: Dalam Tingkatan Gaji \$211-220 x 10-260 x 20-280-290/EXAM/310 x 20-370-3800BAR/400x20-560. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

Kelayakan2: Permohonan2 mesti-lah lulus sa-kurang2-nya Form III Sekolah Inggeris dan baik dalam Ilmu Hisab. Keutamaan akan di-beri kepada chalun2 yang mempunyai pengetahuan dalam "book-keeping" dan pengalaman dalam "accountancy."

Sharat2 Lantekan: Chalun2 yang berjaya yang bukan ra'ayat Sultan akan di-beri kontrak selama 3 tahun termasuk-lah 6 bulan masa perchubaan. Chalun2 yang terdiri dari ra'ayat Sultan atau mereka yang berhak di-daftar sebagai ra'ayat Sultan akan di-beri jawatan tetap.

Baksis: Mereka yang di-lantek sechra berkontrek akan di-bayar baksis sebanyak 12½% dari gaji bagi tiap2 bulan genap berkhidmat dalam negeri, yang akan di-bayar apabila bersara kelak. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti kerja atau di-buang kerja.

Permohonan2 daripada pegawai2 Kerajaan, hendak-lah menghantarkan permohonan-nya melalui Ketua Jabatan masing2.

Permohonan2 yang mesti di-isi di-atas borang2 yang boleh diperolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat dari 3 Desember, 1962.

Pendaftaran

Beranak dan Mati

BANDAR BRUNEI. — Orang ramai ada-lah di-nasehatkan supaya memberi tahu kepada Timbalan Pendaftar Beranak dan Mati di-kawasan masing2 sa-kira-nya berlaku beranak atau mati di-rumah masing2.

Demikian menurut satu pengumuman yang rasmi daripada pehak pendaftar beranak dan mati yang di-terbitkan baharu2 ini.

Pengumuman itu telah di-buat ia-lah kerana telah sampai ka-pengetahuan pehak pendaftar beranak dan mati di-negeri ini bahawa ada kejadian yang berlaku di-beberapa tempat, sa-umpama di-kampong ayer, ia-itu mayat2 orang2 mati telah di-kebumikan sa-belum di-beri tahu kepada pehak yang berkenaan itu.

Pengumuman itu menyebutkan lagi bahawa perkara sademikian ada-lah melanggar undang2 di-bawah pendaftaran beranak dan mati.

Barang sesiapa yang melanggar undang2 itu boleh di-denda tidak lebih dari \$50.

Tiap2 kejadian kematian itu hendak-lah di-beri tahu kepada Timbalan Pendaftar Beranak dan Mati di-kawasan masing2 dalam masa 12 jam sa-lepas berlaku kematian, kechuali kalau sa-kiranya tempat tinggal orang itu jauh daripada tempat pehak yang berkenaan itu atau kegelapan.